

FAKTOR KETERLIBATAN REMAJA DENGAN MASALAH SOSIAL

(Factors Influencing Teens with Social Problems)

¹ ABSHA ATIAH ABU BAKAR

¹ MOHD. ISA HAMZAH

¹ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Malaysia

ABSTRAK

Kajian ini mengenal pasti faktor yang mempengaruhi penyimpangan akhlak dalam kalangan remaja berikutan peningkatan masalah moral yang berlaku dalam masyarakat hari ini. Responden kajian ini dipilih menggunakan teknik pensampelan bertujuan yang melibatkan 70 orang gadis remaja berusia antara 13 hingga 19 tahun dan ke atas di sebuah pusat perlindungan negeri Selangor. Metodologi kajian ini berbentuk tinjauan dengan menggunakan instrumen soal selidik. Responden kajian ini Analisis data kajian ini menggunakan perisian SPSS (Statistical Package for the Social Sciences) versi 23.0 bagi menganalisis data yang berbentuk statistik deskriptif (min dan sisihan piawai) dan statistik inferensi (MANOVA Sehalu). Hasil kajian menunjukkan pengaruh faktor diri sendiri, ibu bapa, media massa dan rakan sebaya berada pada tahap sederhana. Selain itu, hasil kajian juga mendapati terdapat perbezaan yang antara signifikan faktor diri sendiri dengan faktor media massa yang mempengaruhi masalah sosial remaja berdasarkan umur. Justeru, kajian ini boleh dijadikan panduan untuk mencari jalan penyelesaian oleh pihak berkepentingan dengan mengambil kira beberapa faktor yang mempengaruhi penglibatan remaja dalam masalah sosial. Kesimpulannya, ibu bapa, pihak sekolah, PIBG dan NGO termasuklah penggerak pusat perlindungan dapat mengambil kira faktor yang mempengaruhi penglibatan remaja dalam masalah sosial ini dalam merangka program yang bersesuaian bagi mengelakkan remaja terjebak dengan masalah sosial.

Kata kunci: Faktor; penyimpangan akhlak; masalah moral; remaja; pusat perlindungan

ABSTRACT

This study is to identify factors that influence behavioral aberrations among adolescents due to the improvement of the moral problems that occur in society today. The respondents of this study were selected using a purposive sampling technique involving 70 teenage girls aged between 13 and 19 and above in a state protection center of Selangor. The methodology of this study is a survey using questionnaire instrument. The respondents of this study were analyzed using Statistical Packages for Social Science (SPSS) version 23.0 to analyze descriptive statistical data (min and standard deviation) and inferential statistics (One Way MANOVA). The results showed that the influence of self factor, parents, mass media and peer was moderate. In addition, the findings also found that there were significant differences in the factors of self and the mass media factors affecting the social problems of adolescents based on age. Hence, this study can be used as a guide to finding solutions to stakeholders by taking into account the factors that influence adolescent involvement in social issues. In conclusion, parents, schools, PIBGs and NGOs, including the center of protection, take into account the factors that influence the involvement of adolescents in this social problem in developing appropriate programs to prevent teenagers getting trapped with social problems.

Keywords: *Factors; moral deviations; moral problems; adolescents; protection centers*

PENGENALAN

Keperluan terhadap pembentukan moral dan akhlak mulia pada ketika ini semakin mendesak ekoran permasalahan sosial yang timbul selari dengan perkembangan ekonomi dan kepesatan kemajuan dunia. Dalam hal ini, isu pembentukan murid bercirikan nilai agama turut dilihat semakin sukar. Kajian yang dijalankan terhadap 200 pelajar untuk mengenal pasti tahap pengetahuan agama dalam kalangan mereka mendapati tahap pengetahuan majoriti pelajar berada pada tahap sederhana (Nurzatil Ismah et al. 2015). Dapatan kajian ini menggambarkan bahawa semakin tinggi pengetahuan agama, semakin rendah kecenderungan pelajar untuk terlibat dengan aktiviti yang tidak bermoral dan juga merosakkan akhlak (Fauziah et al. 2012). Namun, realiti pada hari ini memperlihatkan tugas untuk menerapkan pendidikan akhlak kepada pelajar sebagaimana matlamat yang digagaskan oleh kerajaan adalah sangat mencabar (Mohd Musnizam et al. 2012). Hal ini berdasarkan berita dan laporan di media cetak dan elektronik berkaitan isu ini yang dilihat semakin meningkat dan membimbangkan.

Menurut Shuhada Mansor (2015), statistik jumlah kes jenayah yang direkodkan oleh pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) mencatatkan kadar peningkatan krisis akhlak dalam kalangan pelajar yang sangat serius dan menggerunkan dengan jumlah angka yang begitu besar. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pula merekodkan sebanyak 13, 359 pelajar sekolah rendah dan menengah di seluruh Malaysia terlibat dengan salah laku disiplin berat dan berunsur jenayah (Utusan Malaysia 2016). Rentetan itu, KPM telah menyenaraikan 402 sekolah *hotspot* yang dikaitkan dengan kes disiplin dan juga dadah di seluruh negara sebagai garis panduan dan salah satu langkah pencegahan awal berikutan Sistem Salah Laku Disiplin Murid (SSDM), KPM mencatatkan kadar salah laku dan masalah disiplin murid adalah tinggi (Berita Harian 2017). Statistik yang dilaporkan menggambarkan cabaran besar dalam aspek pembentukan akhlak pelajar (Siti Rashidah et al. 2016).

Isu keruntuhan akhlak seperti ini semestinya mempunyai kaitan dengan pengaruh seperti diri sendiri, keluarga, rakan sebaya, pengaruh barat, masyarakat sekeliling, media massa dan sebagainya (Fauziah et al. 2012; Zainudin & Norazmah 2011; Wan et al. 2013). Permasalahan ini juga adalah impak daripada modenisasi dan kejutan budaya yang melanda remaja zaman ini yang bukan sahaja memberi kesan kepada individu, malah melibatkan institusi keluarga, masyarakat dan negara (Zainudin & Norazmah 2011; Tengku Elmi Azlina et al. 2015). Isu keruntuhan akhlak pelajar merupakan suatu ancaman besar bagi mencapai kemajuan dan pembangunan negara. Noornajihan dan Ab. Halim Tamuri (2013) menegaskan bahawa kegagalan sesebuah institusi, organisasi, bangsa, negara mahupun tamadun adalah disebabkan oleh faktor sahsiah individu yang telah rosak. Perkara ini turut diperakui dan dibuktikan melalui teori kelahiran dan kejatuhan tamadun yang dikemukakan oleh Ibn Khaldun (1993).

Keadaan ini menunjukkan bahawa kadar penglibatan remaja dalam masalah sosial adalah semakin serius. Walhal, remaja merupakan aset kekayaan semula jadi negara dan bakal memainkan peranan yang begitu besar dan sangat penting dalam mencorakkan masa hadapan politik, ekonomi dan kemasyarakatan di Malaysia. Justeru, menyedari hakikat betapa beratnya tanggungjawab untuk membentuk generasi pelajar yang berakhlak, maka wujudnya keperluan penyelidik mengkaji faktor yang mempengaruhi remaja terlibat dengan masalah sosial. Kajian lepas mendapati bahawa kajian berkaitan faktor gadis remaja terlibat dalam masalah sosial masih kurang dijalankan (Nurul Husna et al. 2017). Walaupun terdapat kajian yang melihat kepada aspek beberapa faktor yang mempengaruhi (Zainudin & Norazmah 2011; Husin 2011), namun masih juga kurang kajian yang berfokus kepada empat faktor ini sahaja, iaitu faktor diri sendiri, ibu bapa, rakan sebaya dan media massa. Manakala, dari segi konteks kajian pula, didapati masih sangat kurang kajian tentang

faktor yang mempengaruhi remaja terlibat dengan masalah sosial dijalankan di pusat perlindungan (Azlina 2012) dan berfokuskan kepada peringkat umur gadis remaja yang berusia bawah 13 tahun, 13 hingga 15 tahun, 16 hingga 18 tahun dan 19 tahun ke atas.

Justeru, kajian kuantitatif ini adalah bertujuan untuk meninjau pengaruh faktor diri sendiri, ibu bapa, media massa dan rakan sebaya terhadap masalah sosial remaja. Selain meninjau faktor tersebut, kajian ini turut mengenal pasti perbezaan berdasarkan usia remaja yang berada di sebuah pusat perlindungan negeri Selangor. Implikasi dapatan kajian ini dapat dijadikan panduan untuk mencari jalan penyelesaian bagi mengatasi masalah ini oleh pihak berkepentingan dengan mengambil kira faktor yang mempengaruhi penglibatan remaja dalam masalah sosial. Maklumat berkaitan juga boleh membantu badan dakwah di Malaysia dalam meneruskan usaha menangani masalah sosial dalam kalangan remaja dengan lebih berkesan. Selain itu, kajian ini juga turut membantu para penyelidik lain untuk mengetahui hasil penyelidikan dan meneruskan kajian selanjutnya dalam bidang berkaitan.

METODOLOGI

Metodologi kajian ini berbentuk tinjauan. Populasi dalam kajian ini merupakan jumlah remaja yang terdapat di sebuah pusat perlindungan negeri Selangor, iaitu seramai 100 orang. Manakala jumlah sampel yang digunakan dalam kajian ini ialah sebanyak 70 orang responden. Kajian ini telah menggunakan kaedah pemilihan sampel bertujuan untuk memilih sampel yang sesuai dalam kajian ini. Kajian tinjauan ini menggunakan kaedah deskriptif melalui penggunaan soal selidik skala 5 Likert sebagai instrumen kajian. Soal selidik kajian ini mengandungi 32 item yang melibatkan empat konstruk utama, iaitu 7 item untuk demografi, faktor diri sendiri (6 item), faktor ibu bapa (7 item), faktor media massa (6 item) dan faktor rakan sebaya (6 item). Soal selidik ini diadaptasi daripada beberapa kajian lepas. Dapatan kajian rintis yang telah dilaksanakan terhadap 30 orang gadis remaja menunjukkan item mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi dengan skor di atas 0.8. Analisis data dalam kajian ini menggunakan perisian SPSS (Statistical Package for the Social Sciences) versi 23.0 yang merujuk kepada analisis deskriptif (min dan sisihan piawai) dan statistik inferensi (MANOVA Sehalu) sahaja.

Bagi tujuan analisis data deskriptif, interpretasi skor min yang diguna pakai dalam kajian ini adalah merujuk Jadual 1.

JADUAL 1 Interpretasi skor min

Julat skala	Interpretasi skor min
1.00 - 2.00	Rendah
2.01 - 3.00	Sederhana Rendah
3.01 - 4.00	Sederhana Tinggi
4.01 - 5.00	Tinggi

Sumber : Nunally (1978); Norasmah (2002)

HASIL KAJIAN

Kajian ini melibatkan responden dalam kalangan gadis remaja yang terlibat dalam masalah sosial di sebuah pusat perlindungan, Selangor. Secara terperinci, profil demografi responden dipaparkan dalam Jadual 2.

JADUAL 2 Profil demografi responden

Responden		Jumlah	Peratusan
Umur	13-15 tahun	9	12.9
	16-18 tahun	22	31.4
	19 tahun ke atas	39	55.7
Jenis kesalahan	Keganasan	19	27.1
	Salah laku seks	34	48.6
	Salah guna dadah	5	7.1
	Lain-lain	12	17.1
Pekerjaan ibu bapa	Kerajaan	30	42.9
	Swasta	20	28.6
	Sendiri	16	22.9
	Lain-lain	4	5.7
Pendapatan ibu bapa	RM100-500	5	7.1
	RM501-1000	20	28.6
	RM1001-2000	17	24.3
	RM2001 ke atas	28	40.0

Analisis profil responden pada Jadual 2 menunjukkan keseluruhan sampel adalah 70 orang. Daripada jumlah tersebut, didapati 9 orang berusia 13-15 tahun, 22 orang berusia 16-18 tahun dan 39 orang pula berusia lebih daripada 19 tahun. Manakala apabila dilihat daripada jenis kesalahan, terdapat 27.1% terlibat dengan keganasan,

48.6% terlibat dengan salah laku seks, 7.1% terlibat dengan salah guna dadah serta 17.1% pula terlibat dengan lain-lain masalah sosial. Seterusnya bagi demografi status ibu bapa, terdapat 52 orang yang mempunyai ibu bapa berkahwin, 11 orang yang mempunyai ibu bapa bercerai serta 7 orang sudah tidak mempunyai ibu bapa.

Selain itu, demografi kajian ini juga turut melihat aspek pendidikan ibu bapa dan didapati 22.9% mempunyai ibu bapa berkelulusan PMR, 54.3% mempunyai ibu bapa berkelulusan SPM, 8.6% mempunyai ibu bapa berkelulusan STPM, 1.4% mempunyai ibu bapa berkelulusan PHD dan 12.9% mempunyai ibu bapa dengan lain-lain kelulusan. Daripada jumlah tersebut, terdapat juga 30 orang mempunyai ibu bapa yang bekerja dalam sektor kerajaan, 20 orang mempunyai ibu bapa yang bekerja di sektor swasta dan 16 orang mempunyai ibu bapa yang bekerja sendiri serta 4 orang mempunyai ibu bapa yang bekerja lain-lain sektor. Dari segi pendapatan pula terdapat 7.1% mempunyai ibu bapa yang berpendapatan RM100-500, 28.6% mempunyai ibu bapa yang berpendapatan RM501-1000 dan 24.3% mempunyai ibu bapa yang berpendapatan RM1001-2000 serta 40.0% mempunyai ibu bapa yang berpendapatan lebih daripada RM 2001.

Jadual 3 memaparkan jadual skor min keseluruhan faktor yang mempengaruhi remaja terlibat dalam masalah sosial.

JADUAL 3 Skor min keseluruhan faktor yang mempengaruhi remaja terlibat dengan masalah sosial

Faktor	Min	Tahap
Diri sendiri	3.63	Sederhana Tinggi
Rakan sebaya	3.12	Sederhana Tinggi
Media massa	2.97	Sederhana Rendah
Ibu bapa	2.43	Sederhana Rendah

Hasil kajian pada Jadual 3 menunjukkan skor min keseluruhan faktor yang mempengaruhi remaja terlibat dalam masalah sosial, iaitu diri sendiri (min = 3.63) dan rakan sebaya (min = 3.12) berada pada tahap sederhana tinggi. Manakala, faktor media massa (min = 2.97) dan ibu bapa (min = 2.43) berada pada tahap sederhana rendah. Jadual 4 memaparkan analisis data keseluruhan item bagi faktor diri sendiri secara terperinci.

JADUAL 4 Faktor diri sendiri

Pernyataan	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Saya sering mengingkari arahan ibu bapa dan ahli keluarga	3.48	1.53	Sederhana Tinggi
Saya kurang mengamalkan ajaran-ajaran agama seperti solat	3.77	1.39	Sederhana Tinggi
Saya suka bergaul dengan kumpulan yang mengamalkan gaya hidup yang tidak sihat	3.47	1.46	Sederhana Tinggi
Saya sentiasa inginkan kebebasan dalam hidup	3.88	1.44	Sederhana Tinggi
Saya tiada matlamat hidup	2.87	1.50	Sederhana Rendah
Saya sentiasa suka mencuba sesuatu yang baru	4.31	0.87	Tinggi
Min Keseluruhan	3.63	1.03	Sederhana Tinggi

Jadual 4 menunjukkan secara keseluruhan faktor diri sendiri berada pada tahap sederhana tinggi (min = 3.63 dan sisihan piawai = 1.03). Item yang mempunyai min yang paling tinggi adalah “saya sentiasa suka mencuba sesuatu yang baru” (min = 4.31 dan sisihan piawai = 0.87) dan berada pada tahap tinggi. Manakala item yang mempunyai min yang paling rendah adalah “saya tiada matlamat hidup” (min = 2.87 dan sisihan piawai = 1.50) dan berada pada tahap sederhana rendah. Jadual 5 memaparkan analisis data keseluruhan item bagi faktor rakan sebaya secara terperinci.

JADUAL 5 Faktor rakan sebaya

Pernyataan	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Saya mudah terpengaruh dengan desakan rakan saya	3.24	1.31	Sederhana Tinggi
Saya melakukan salah laku kerana desakan rakan saya	2.84	1.15	Sederhana Rendah
Saya lebih suka meluahkan masalah saya kepada rakan berbanding keluarga saya	3.67	1.41	Sederhana Tinggi
Saya lebih suka menghabiskan masa bersama-sama rakan saya	3.62	1.43	Sederhana Tinggi
Saya mudah diterima sekiranya saya ponteng bersama rakan	2.42	1.43	Sederhana Rendah
Saya mudah diterima rakan sekiranya saya mengikut fesyen terkini	2.91	1.54	Sederhana Rendah
Min Keseluruhan	3.12	1.06	Sederhana Tinggi

Jadual 5 menunjukkan secara keseluruhan faktor rakan sebaya berada pada tahap sederhana tinggi (min = 3.12 dan sisihan piawai = 1.06). Item yang mempunyai min yang paling tinggi adalah “saya lebih suka meluahkan masalah saya kepada rakan berbanding keluarga saya” (min = 3.67 dan sisihan piawai = 1.41) dan berada pada tahap sederhana tinggi. Manakala item yang mempunyai min yang paling rendah adalah “saya mudah diterima sekiranya saya ponteng bersama rakan” (min = 2.42 dan sisihan piawai = 1.43) dan berada di tahap sederhana rendah.

Seterusnya, Jadual 6 memaparkan analisis data keseluruhan item bagi faktor media massa secara terperinci.

JADUAL 6 Faktor media massa

Pernyataan	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Saya lebih suka menonton rancangan TV yang berunsur seks	1.91	1.13	Rendah
Saya lebih suka melayari laman web berunsur seks	2.00	1.32	Rendah
Adegan-adegan pergaulan antara lelaki dan perempuan perlu disekat pada zaman ini	4.10	1.39	Tinggi
TV banyak menyiarkan perkara-perkara yang berunsur negatif	3.41	1.61	Sederhana Tinggi
Laman web (internet) banyak menyiarkan perkara-perkara yang berunsur negatif	3.41	1.61	Sederhana Tinggi
Saya suka menonton rancangan berunsur keganasan	3.00	1.55	Sederhana Rendah
Min Keseluruhan	2.97	0.90	Sederhana Rendah

Jadual 6 menunjukkan secara keseluruhan faktor media massa berada pada tahap sederhana rendah (min = 2.97 dan sisihan piawai = 0.90). Item yang mempunyai min yang paling tinggi adalah “adegan-adegan pergaulan antara lelaki dan perempuan perlu disekat pada zaman ini” (min = 4.10 dan sisihan piawai = 1.39) dan berada pada tahap tinggi. Manakala item yang mempunyai min yang paling rendah adalah “saya lebih suka menonton rancangan TV yang berunsur seks” (min = 1.91 dan sisihan piawai = 1.13) dan berada pada tahap rendah. Jadual 7 pula memaparkan analisis data keseluruhan item bagi faktor ibu bapa secara terperinci.

JADUAL 7 Faktor Ibu bapa

Pernyataan	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Ibu bapa saya melakukan tabiat yang kurang baik dalam rumah	1.74	1.28	Rendah
Ibu bapa saya kurang mengambil berat tentang pelajaran saya	2.25	1.34	Sederhana Rendah
Ibu bapa saya jarang berada di rumah kerana sibuk bekerja	2.61	1.52	Sederhana Rendah
Ibu bapa saya kurang berkomunikasi dengan saya tentang keperluan dan masalah yang saya hadapi	2.82	1.53	Sederhana Rendah
Ibu bapa saya jarang memberi motivasi kepada saya	2.65	1.35	Sederhana Rendah
Ibu bapa saya jarang memberi sokongan kepada saya	2.40	1.33	Sederhana Rendah
Ibu bapa saya jarang memberi pujian kepada saya	2.55	1.48	Sederhana Rendah
Min Keseluruhan	2.43	0.98	Sederhana Rendah

Jadual 7 menunjukkan secara keseluruhan faktor ibu bapa berada pada tahap sederhana rendah (min = 2.43 dan sisihan piawai = 0.98). Item yang mempunyai min yang paling tinggi adalah “Ibu bapa saya kurang berkomunikasi dengan saya tentang keperluan dan masalah yang saya hadapi” (min = 2.82 dan sisihan piawai = 1.53) dan berada pada tahap sederhana rendah. Manakala item yang mempunyai min yang paling rendah adalah “Ibu bapa saya melakukan tabiat yang kurang baik dalam rumah” (min = 1.74 dan sisihan piawai = 1.28) dan berada pada tahap rendah.

Analisis MANOVA seterusnya dijalankan untuk melihat perbezaan faktor yang mempengaruhi remaja terlibat dalam masalah sosial berdasarkan umur remaja. Namun begitu, sebelum analisis MANOVA dijalankan, pengkaji terlebih dahulu melaksanakan ujian bagi menentukan matrik kehomogenan varian-kovarian (homogeneity of the varians-covariance matrices) dengan menggunakan ujian Box’s M seperti Jadual 8.

JADUAL 8 Box’M perbezaan faktor yang mempengaruhi remaja terlibat dalam masalah sosial berdasarkan umur

Box’s M	Nilai-F	df1	df2	Sig.
56.384	2.421	20	2166	0.000

Jadual 8 menunjukkan terdapat perbezaan varian-covarian yang signifikan dalam kalangan pemboleh ubah bersandar untuk semua aras pemboleh ubah bebas dengan nilai Box's M = 56.384 dan sig = 0.000 ($p > 0.001$). Ini bermakna, varian-covarian pemboleh ubah bersandar adalah tidak homogenous merentasi pemboleh ubah bebas.

Analisis MANOVA mendapati beberapa jenis ujian statistik yang boleh digunakan bagi menguji hipotesis seperti *Wilks' Lambda*, *Pillai's Trace*, *Hotelling's Trace* dan *Roy's Largest Root*. Setiap jenis ujian statistik tersebut menguji hipotesis multivariat yang mana min populasi adalah sama. Walau bagaimanapun, dalam kajian ini penyelidik telah memilih untuk menggunakan ujian statistik *Wilks' Lambda* ($Wilks' \lambda$) kerana ujian ini ialah ujian yang paling mudah digunakan, iaitu menggunakan cara pengiraan pecahan varians secara langsung dalam gabungan pemboleh ubah bersandar yang tidak diambil kira oleh pemboleh ubah bebas, malah ujian ini juga boleh diubah yakni disesuaikan secara matematik kepada statistik yang mempunyai kiraan sebaran F (Everitt & Dunn 1991; Polit 1996). Hal ini seterusnya akan memudahkan pengiraan nilai P, yang mana kebiasaannya penyelidik akan membentangkan nilai F dan darjah kebebasan. Di samping itu, ujian ini digunakan secara meluas dan dilaporkan banyak digunakan khususnya dalam beberapa kajian sains sosial. Justeru, ujian ini digunakan bagi menentukan perbezaan faktor yang mempengaruhi remaja terlibat dalam masalah sosial secara signifikan berdasarkan umur. Keputusan ujian *Wilks' Lambda* perbezaan faktor yang mempengaruhi remaja terlibat dalam masalah sosial berdasarkan umur dipaparkan seperti dalam Jadual 9.

JADUAL 9 *Wilks' Lambda* perbezaan faktor yang mempengaruhi remaja terlibat dalam masalah sosial berdasarkan umur

Kesan	Nilai <i>Wilks' Lambda</i>	Nilai F	Sig
Faktor-faktor yang mempengaruhi remaja terlibat dalam masalah sosial berdasarkan umur	0.739	2.421	0.011

Jadual 9 menunjukkan bahawa terdapat perbezaan faktor yang mempengaruhi remaja terlibat dalam masalah sosial berdasarkan umur dengan nilai $Wilks' = 0.739$, $F = 2.421 = 0.011$ ($p > 0.05$). Ini menunjukkan hipotesis nul (H_0) bahawa tidak terdapat perbezaan faktor yang mempengaruhi remaja dalam masalah sosial berdasarkan umur adalah ditolak. Seterusnya, hasil analisis ujian MANOVA adalah seperti yang dipaparkan dalam Jadual 10. Berdasarkan Jadual 10, didapati terdapat perbezaan yang signifikan dari segi faktor diri sendiri ($F = 6.214$, $p = 0.003$) dan faktor media massa ($F = 6.439$, $p = 0.006$) ($p < 0.025$) berdasarkan umur.

JADUAL 10 MANOVA Perbezaan faktor yang mempengaruhi remaja terlibat dalam masalah sosial berdasarkan umur

Pembolehubah	N	Min	Sisihan Piawai	Jumlah Kuasa Dua	Df	Min Kuasa Dua	F	Sig	
Faktor diri sendiri	13-15 tahun	9	2.62	0.98	11.463	2	5.731	6.214	0.003
	16-18 tahun	22	3.60	1.14					
	19 tahun ke atas	39	3.88	0.83					
	Total	70	3.63	1.03					
Faktor ibu bapa	13-15 tahun	9	1.82	0.80	4.009	2	2.005	2.119	0.128
	16-18 tahun	22	2.46	1.23					
	19 tahun ke atas	39	2.56	0.83					
	Total	70	2.43	0.98					
Faktor media massa	13-15 tahun	9	2.25	0.78	9.177	2	4.588	6.439	0.003
	16-18 tahun	22	2.74	0.73					
	19 tahun ke atas	39	3.26	0.91					
	Total	70	2.97	0.90					
Faktor rakan sebaya	13-15 tahun	9	2.62	1.10	2.498	2	1.249	1.094	0.341
	16-18 tahun	22	3.19	1.10					
	19 tahun ke atas	39	3.19	1.04					
	Total	70	3.12	1.06					

PERBINCANGAN

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor diri sendiri dan rakan sebaya berada pada tahap sederhana tinggi. Manakala, faktor media massa dan ibu bapa berada pada tahap sederhana rendah. Dapatan ini keseluruhannya menunjukkan bahawa dua faktor yang lebih dominan mempengaruhi remaja untuk terlibat dalam masalah sosial ialah berpunca daripada diri sendiri dan rakan sebaya. Hal ini dapat dirumuskan bahawa terdapat dua aspek utama, iaitu faktor dalaman yang berpunca daripada diri sendiri dan juga faktor luaran yang berpunca daripada rakan sebaya yang memainkan peranan utama dalam mempengaruhi remaja untuk melakukan masalah sosial. Dapatan ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Tengku Elmi Azlina et al. (2015) yang mendapati bahawa penglibatan remaja dalam pelbagai gejala sosial ini adalah berpunca daripada faktor dalaman diri remaja itu sendiri meliputi aspek perkembangan personaliti yang akan mengakibatkan berlakunya ketegangan dan tekanan emosi dalam diri remaja sekiranya mereka tidak mendapat bimbingan yang sepenuhnya dalam menghadapi cabaran alam keremajaan. Hal ini menyebabkan remaja akan cenderung ke arah melakukan kegiatan yang meruntuhkan akhlak dan menyalahi undang-undang.

Hasil kajian ini juga bertepatan dengan kajian Zainudin dan Norazmah (2011) yang turut mendapati bahawa faktor diri sendiri ialah faktor yang paling mempengaruhi remaja terlibat dalam masalah sosial di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka berbanding pengaruh rakan sebaya dan pemasalahan persekitaran sekolah. Fauziah et. al (2012) menyatakan bahawa akhlak remaja boleh terbentuk melalui diri mereka sendiri, iaitu dari sudut pendidikan dan juga penghayatan agama yang ada dalam diri. Sekiranya jati diri mereka utuh, maka mereka akan terdorong untuk melakukan perkara yang positif. Sebaliknya, jika sifat keperibadian mereka adalah kurang baik, maka timbul penyimpangan akhlak dan perbuatan negatif yang melanggar norma dalam masyarakat termasuklah permasalahan sosial (Azlina 2012; Zanariah et al. 2016).

Seterusnya, hasil kajian ini turut mendapati bahawa ramai remaja sentiasa suka mencuba melakukan sesuatu yang baharu dan item ini berada pada tahap paling tinggi. Hal ini selari dengan kajian Zainudin dan Norazmah (2011), Azlina (2012) serta Zanariah et al. (2016) yang mendapati bahawa pelajar yang terlibat dengan masalah sosial ialah pelajar yang mempunyai keinginan yang tinggi untuk mencuba sesuatu yang baharu yang tidak pernah mereka lakukan. Kajian Azizi et. al (2010) juga turut membuktikan bahawa faktor sikap pelajar yang menjurus kepada berlakunya perlakuan agresif sehingga menimbulkan masalah disiplin dalam kalangan pelajar adalah keinginan untuk mencuba sesuatu yang baharu. Secara garis besarnya, ini merupakan salah satu sikap dominan yang berlaku secara tab'i dalam diri remaja, iaitu naluri yang hadir dari dalam diri mereka sendiri secara dalaman yang sentiasa ingin mencuba sesuatu perkara yang baharu untuk mencari keseronokan yang akhirnya mendorong mereka untuk sengaja melakukannya (Zainal & Sharani 2004).

Namun demikian, kajian ini juga turut mendapati bahawa secara keseluruhannya remaja mempunyai matlamat hidup. Dapatan kajian ini selari dengan kajian Zainudin dan Norazmah (2011) yang juga mendapati bahawa pelajar yang terlibat dengan masalah sosial mempunyai matlamat hidup. Hal ini turut menunjukkan bahawa mereka juga mementingkan masa hadapan. Walau bagaimanapun, matlamat hidup mereka diamati secara mudah dan penumpuan hanya difokuskan kepada individu bukannya kepada masyarakat secara menyeluruh kerana remaja lebih mementingkan diri mereka sendiri dan konsep hak asasi manusia masih belum dikuasai sepenuhnya (Anuar 2001). Inilah elemen dalaman yang menyerlah dalam diri seorang remaja yang baru berusia belasan tahun dan peringkat kematangan pemikiran mereka akan berkembang apabila usia semakin meningkat, seterusnya melangkah ke alam dewasa.

Selain faktor diri sendiri, kajian ini juga mendapati bahawa faktor rakan sebaya adalah faktor kedua tertinggi dengan tahap sederhana tinggi yang mempengaruhi

remaja untuk terlibat dalam masalah sosial. Hal ini selari dengan dapatan kajian yang dijalankan oleh Azizi Yahaya dan Muhamad Jumat (t.th) serta Maizatul (2007) yang menunjukkan bahawa rakan sebaya adalah faktor luaran yang mempengaruhi pembentukan akhlak remaja. Hasil kajian ini membuktikan bahawa remaja terdedah kepada pengaruh rakan sebaya kerana mereka lebih cenderung untuk mengambil risiko secara berkumpulan berbanding bersendirian, selain rakan sebaya menjadi pilihan utama sebagai tempat meluahkan segala masalah berbanding keluarga mereka sendiri (Alice Yuen Loke & Yim-wah Mak 2013). Remaja gemar mencari rakan sebaya sebagai tempat untuk meluahkan masalah dan mendapatkan perhatian kerana hubungan persahabatan yang dibina berdasarkan perkongsian sikap yang sama menyumbang kepada homogeniti kumpulan rakan sebaya (Alexander et al. 2001; Andrews et al. 2002; Simons-Morton 2007). Namun demikian, kajian ini juga mendapati bahawa remaja tidak menganggap perlakuan ponteng sekolah bersama rakan sebaya sebagai satu tindakan untuk diterima oleh rakan mereka.

Dapatan ini bertentangan dengan kajian yang dilakukan oleh Norhasilah et al. (2012), yang mana faktor pengaruh rakan sebaya berada pada tahap yang tinggi dalam mempengaruhi pelajar untuk melakukan salah laku ponteng sekolah, sedangkan kajian ini mendapati bahawa faktor diri sendiri adalah lebih dominan berbanding faktor rakan sebaya. Dalam usia remaja yang sedang mengalami transisi dari zaman kanak-kanak ke peringkat dewasa membuatkan mereka mempunyai perasaan ingin tahu yang tinggi (Sahlawati et al. 2015). Justeru, setiap perkara yang berlaku di sekeliling persekitaran remaja ini akan mengundang perasaan ingin tahu tersebut yang akhirnya akan mendorong mereka untuk mencuba melakukan perkara itu mengikut kehendak diri sendiri tanpa mengambil kira kebaikan dan keburukan perkara tersebut (Muhammed Sharif dan Suria 2012).

Di samping itu, kajian ini juga mendapati bahawa secara keseluruhan masalah sosial daripada faktor media massa berada pada tahap sederhana rendah. Hal ini selari dengan dapatan kajian Abdullah dan Mawaddah (t.th), Ab. Halim dan Zarin (t.th), Badlihisam (2005), Nurul Huda (2011) dan Zaharah (2013) yang menyatakan bahawa faktor media massa dan mempengaruhi pembentukan akhlak remaja hari ini. Hasil kajian ini mendapati bahawa media massa banyak memaparkan adegan pergaulan antara lelaki dan perempuan. Adegan yang tidak memelihara batas aurat antara jantina seperti ini menyumbang kepada masalah pergaulan bebas, gejala seks bebas, hamil luar nikah dan seumpamanya. Dalam hal ini, pengkaji berpendapat bahawa ibu bapa remaja seharusnya bersikap lebih prihatin dan mengambil berat akan setiap rancangan yang ditonton oleh anak mereka agar bersesuaian dengan peringkat umur mereka dan tidak merosakkan akhlak mereka. Namun demikian, kajian ini juga turut mendapati bahawa secara keseluruhannya remaja tidak suka

menonton rancangan TV yang berunsur seks. Hal ini bertentangan dengan kajian yang dilaksanakan oleh Ab. Halim dan Zarin (2009) yang mendapati bahawa remaja lebih suka menonton rancangan TV dan VCD yang berunsur seks, yang mana gejala ini membawa kepada faktor berlakunya keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja.

Akhir sekali, dapatan kajian ini turut mendapati bahawa secara keseluruhan masalah sosial daripada faktor ibu bapa berada pada kedudukan min paling rendah dan berada pada tahap sederhana rendah. Hal ini selari dengan dapatan kajian Anuar (2001), Maizatul (2007), Azlina (2012) dan Nurzatil et al. (2015) yang menyatakan bahawa ibu bapa turut mempengaruhi pembentukan akhlak remaja. Hasil kajian ini mendapati bahawa kebanyakan ibu bapa kurang berkomunikasi dengan anak mereka tentang keperluan dan masalah yang dihadapi. Hal ini selari dengan kajian Amanda Holman dan Jody Koenig Kellas (2018) yang mendapati bahawa komunikasi yang kurang antara ibu bapa dengan anak menyebabkan remaja mudah terjebak dengan masalah sosial. Pengkaji berpendapat bahawa komunikasi dua hala merupakan perkara penting yang perlu ada bagi membendung aktiviti salah laku remaja.

Hasil dapatan keseluruhan kajian ini turut mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dari segi faktor diri sendiri dan faktor media massa berdasarkan usia remaja. Hal ini menunjukkan bahawa gadis remaja yang berusia 19 tahun ke atas lebih mudah terpengaruh dengan diri sendiri dan media massa berbanding dengan gadis remaja yang berusia 13-15 tahun dan 16-18 tahun. Kajian Manikandan (2012) turut mendapati bahawa faktor diri sendiri ialah pengaruh yang tinggi terhadap penglibatan remaja dalam masalah sosial khususnya dari segi keinginan yang tinggi untuk mencuba sesuatu yang baru. Justeru, dalam hal ini remaja yang berusia 19 tahun secara umumnya telah menamatkan zaman persekolahan dan boleh dikatakan mereka lebih berani untuk mencuba perkara baharu tanpa ada halangan dari segi terikat dengan peraturan sekolah, mahupun larangan daripada ibu bapa. Pada usia 19 tahun dan hakikat pada zaman teknologi ini, remaja hari ini semakin bebas untuk memiliki telefon pintar peribadi yang lebih mendekatkan lagi mereka dengan pengaruh media massa. Dalam hal ini, kajian Ab. Halim Tamuri dan Zarin (2009) mendapati tahap pendedahan yang tinggi terhadap media massa, iaitu pelbagai teknologi media yang bertujuan untuk mencapai sejumlah besar pengguna media melalui komunikasi massa adalah faktor yang sangat mempengaruhi pegangan nilai akhlak remaja sehingga menyebabkan penularan masalah sosial.

Secara tuntas, isu masalah sosial dalam kalangan remaja perlu dipandang serius oleh pihak berkepentingan khususnya ibu bapa atau penjaga dan guru selaku insan yang paling hampir dengan remaja. Faktor diri sendiri yang mencatatkan nilai min tertinggi dalam kajian ini menjadi indikator bahawa perhatian ibu bapa dan peranan guru, malah penggerak pusat perlindungan adalah amat penting dalam

usaha membendung masalah sosial daripada berleluasa. Dalam hal ini, langkah mengenal pasti masalah anak, mengawal selia anak sepanjang masa dan memantau gerak geri anak wajar dititikberatkan oleh ibu bapa, selain pelaksanaan program dan aktiviti kesedaran yang menekankan penghayatan nilai Islam, bimbingan berterusan dan nasihat yang dijalankan oleh unit kaunseling sekolah, Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), mahupun badan bukan kerajaan (NGO) terutama badan dakwah dan persatuan belia Islam (Buerah, Shanah & Hamimah 2015).

KESIMPULAN

Masalah sosial remaja merupakan satu isu yang sering dibincangkan pada masa kini. Dorongan persekitaran sosial turut membentuk dan mempengaruhi tingkah laku remaja. Antara faktor yang dikenal pasti terlibat dalam kajian ini ialah faktor diri sendiri, ibu bapa, media massa dan rakan sebaya. Kajian ini mendapati bahawa faktor ini adalah salah satu punca terjadinya masalah sosial dalam kalangan remaja. Selain itu, kajian ini juga mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan faktor diri sendiri dan faktor media massa berdasarkan dengan umur remaja yang berada di pusat perlindungan negeri Selangor. Kajian ini penting dilaksanakan bagi mencari penyelesaian yang benar efektif dalam membanteras penglibatan remaja dalam masalah sosial. Justeru, implikasi kajian ini ialah semua pihak berkepentingan, iaitu ibu bapa, pihak sekolah, PIBG dan NGO termasuklah penggerak pusat perlindungan dapat mengetahui, membuka mata dan mengambil kira faktor yang mempengaruhi penglibatan remaja dalam masalah sosial ini. Pengetahuan tentang perkara ini seterusnya dijadikan sebagai panduan dalam merangka setiap inti pati kandungan program yang bersesuaian untuk dilaksanakan kepada sasaran golongan remaja ini daripada terjebak dalam masalah sosial yang dapat mengancam kesejahteraan negara. Antara cadangan kajian lanjutan yang boleh dilakukan dengan masalah sosial remaja ini adalah dengan melibatkan responden yang lebih ramai dan menggunakan teori yang berkaitan dengan persekitaran remaja. Hal ini kerana remaja pada usia ini lebih mudah terpengaruh dengan persekitaran sosial mereka.

RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri & Zarin Ismail. 2009. Hubungan antara pegangan nilai moral dengan media massa: tinjauan ke atas remaja melayu luar bandar. *Sari* 27: 199-212.
- Alexander, C., Piazza, M., Mekos, D. & Valente, T. 2001. Peers, schools and adolescent cigarette smoking. *J. Adolesc. Health* 29: 22-30.
- Alice Yuen Loke & Yim-wah Mak. 2013. Family process and peer influences on substance use by adolescents. *International Journal of Environmental Research and Public Health* 10: 3868-3885.

- Amanda Holman & Jody Koenig Kellas. 2018. Say something instead of nothing: Adolescents' perceptions of memorable conversations about sex-related topics with their parents. *Communication Monographs* 85 (3): 357-379.
- Andrews, J.A., Tildesley, E., Hops, H. & Li, F. 2002. The influence of peers on young adult substance use. *Health Psychol* 21: 349-357.
- Anuar bin Puteh. 2001. Perkembangan dan pembentukan remaja menurut perspektif Islam. *Kajian Malaysia* 19 (2): 79-101.
- Berita Harian*. 2017. Senarai Sekolah Hotspot Bukan Menghukum, 19 Ogos 2017.
- Buerah Tunggak, Shanah Ngadi & Hamimah Abu Naim. 2015. Delinkuen pelajar dan cadangan penyelesaiannya menerusi model pembangunan sahsiah remaja/pelajar muslim bersepadu. *Jurnal Hadhari* 7 (2): 11-30.
- Everitt B.S & Dunn G. 1991. *Applied Multivariate Data Analysis*. London : Edward Arnold.
- Fauziah Ibrahim, Norulhuda Sarnon, Khadijah Alavi, Mohd Suhaimi Mohamad, Noremy Md Akhir & Salina Nen. 2012. Memperkasakan pengetahuan agama dalam kalangan remaja bermasalah tingkah laku: Ke arah pembentukan akhlak remaja sejahtera. *Journal of Social Sciences and Humanities*: 84-93.
- Ibnu Khaldun. 1993. *Muqaddimah Ibn Khaldun*. Terj. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Manikandan K. 2012. Influence of family environment and self-esteem on hostility of adolescents. *ACADEMICIA* 2 (11): 88-98.
- Mohd Musnizam Jaafar @ Mustapha, Ab. Halim Tamuri & Rohizan Ya. 2012. Konsep Berilmu di Kalangan Guru Pendidikan Islam Satu Keperluan dalam Membangunkan Modal Insan. *Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam*: 289-303.
- Muhammed Sharif Mustafa & Suria Abdul Jamil. 2012. Mengenal pasti punca-punca masalah ponteng di kalangan pelajar sekolah rendah: Satu kajian kes. *Journal of Educational Psychology & Counseling* (6): 50-73.
- Noornajihan Jaafar & Ab. Halim Tamuri. 2013. Hubungan antara efikasi sendiri dengan kualiti guru pendidikan islam sekolah menengah kebangsaan malaysia. *JIAE: Journal of Islamic and Arabic Education* 5 (1): 41-60.
- Norasmah Othman. 2002. Keberkesanan program usahawan muda di sekolah menengah. Tesis Dr. Fal, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia.

- Norhasilah Mat Nor, Aspaniza Hamzah & Nurul Farhana Junus. 2012. Faktor-faktor yang mempengaruhi gejala ponteng di kalangan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Selesa Jaya 2, Skudai. *Journal of Educational Psychology & Counseling* 5: 12-29.
- Nunnally, J.C. 1978. *Psychometric Theory*. New York: Mc. Graw Hill Book Company.
- Nurul Husna Mansor, Khairul Hamimah Mohammad Jodi, Raihanah Abdullah & Fakhrol Adabi Abdul Kadir. 2017. Pemulihan akhlak di Pusat Perlindungan Wanita: Kajian di Baitul Ehsan dan Dar Assaadah. *Jurnal Hadhari* 9 (2): 261-274.
- Nurzatil Ismah Azizan, Nazneen Ismail, Sahlawati Abu Bakar, Zanariah Dimon & Asma' Wardah Surtahman. 2015. Permasalahan Sosial dalam Kalangan Remaja di Selangor: Satu Tinjauan. *Seminar Antarabangsa Akidah, Dakwah dan Syariah*: 1-15.
- Sahlawati Abu Bakar, Nurzatil Ismah Azizan, Nazneen Ismail, Zanariah Dimon & Nurul Husna Mohd Jabar. 2016. Kaedah menangani masalah sosial di Pusat Perlindungan Majlis Agama Islam Selangor: Analisa Pendekatan al-Quran. *Seminar Antarabangsa Akidah, Dakwah dan Syariah*: 620-647.
- Shuhada Mansor. 2015. Statistik Moral Remaja Kita. *Harian Metro*, 11 Mac 2015.
- Wan Norina Wan Hamat, Zaharah Hussin, Ahmad Fkrudin Mohamed Yusoff & Ahmad Arifin Sapar. 2013. Pengaruh media massa terhadap penampilan akhlak pelajar islam Politeknik Malaysia. *The Online Journal of Islamic Education*. 1: 17-27.
- Zainal Madon & Mohd. Sharani Ahmad. 2004. *Panduan Mengurus Remaja Moden Bentong*: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Zainudin Sharif & Norazmah Mohamad Roslan. 2011. Faktor-faktor yang mempengaruhi remaja terlibat dalam masalah sosial di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka. *Journal of Education Psychology & Counseling* 1: 115-140.

